

# Najib bangga sistem pendidikan tinggi negara meningkat di peringkat antarabangsa

# Lima universiti awam terbaik dunia

Oleh HELMI MOHD. FOAD

**P**UTRAJAYA – Datuk Seri Najib Tun Razak melahirkan rasa bangga dengan laporan terbaru ranking Universitas 21 (U21) yang mencatatkan sistem pendidikan tinggi Malaysia ditempatkan pada kedudukan ke-25 terbaik dunia.



NAJIB

Perdana Menteri berkata, dalam tempoh enam tahun lalu, pencapaian pendidikan tinggi negara telah mendaki sebanyak 11 anak tangga.

“Tahniah Kementerian Pendidikan Tinggi, teruskan usaha. Alhamdulillah, ini sebahagian daripada banyak kejayaan yang telah dikecapi oleh universiti-universiti kita.

“Pencapaian ini bukan sahaja membanggakan malah membuktikan sistem pendidikan negara berada pada tahap yang baik,” katanya be-

liau dalam laman webnya, [najibrazak.com](http://najibrazak.com) semalam.

Perdana Menteri turut berkongsi laporan Universiti Dunia Quacquarelli Symonds (QS) 2017/2018 yang menunjukkan kedudukan kesemua lima universiti awam berstatus penyelidikan di negara ini telah meningkat naik.

Malah kata beliau, status kelima-lima universiti itu berada dalam kalangan 300 terbaik dunia sekali gus bermakna ia tersenarai antara satu peratus teratas dunia.

“Ranking Universiti Malaya (UM) meningkat naik sebanyak 19 anak tangga ke kedudukan 114, bermakna tidak jauh lagi untuk mencapai sasaran menembusi tahap 100 terbaik dunia manakala Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

naik 72 anak tangga, meningkat terbaik bagi tahun ini.



PENINGKATAN penarafan kedudukan universiti awam menunjukkan kualiti sistem pendidikan tinggi di Malaysia setanding dengan negara-negara maju. – Gambar hiasan

men juga Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan juga Universiti Teknologi Malaysia (UTM), kesemuanya meningkat naik dalam ranking masing-masing,” katanya.

Dalam pada itu, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh pada sidang akhbar semalam berkata, UM dan UPM menunjukkan

peningkatan lima tahun berturut-turut dari tahun 2013 hingga 2017 dengan UM berada pada kedudukan ke-114.

“UPM mencapai peningkatan tertinggi dengan sebanyak 182 tempat menjadikan kedudukan terkini pada ranking ke-229 berbanding ke-411 dunia pada 2013/2014,” katanya.

Tambah beliau, UKM

INFO

Laporan ranking Universiti Dunia Quacquarelli Symonds (QS) 2017/2018

Universiti	Kedudukan
Massachusetts Institute of Technology, Amerika Syarikat (AS)	1
Stanford University, AS	2
Harvard University, AS	3
California Institute of Technology, AS	4
University of Cambridge, United Kingdom	5
Princeton University, AS	13
Cornell University, AS	14
National University of Singapore	15
Universiti Malaya	114
Universiti Putra Malaysia	229
Universiti Kebangsaan Malaysia	230
Universiti Teknologi Malaysia	253
Universiti Sains Malaysia	264
Universiti Brunei Darussalam	349
Universiti Teknologi Petronas	601-650
Universiti Utara Malaysia	701-750
Universiti Teknologi Mara	751-800

pula berada pada kedudukan ke-230 berbanding ke-302 pada 2016/2017.

“USM meningkat dari kedudukan ke-330 pada 2016/2017 kepada 264 manakala UTM meningkat sebanyak 102 tempat

daripada ke-355 pada 2013/2014 kepada 253 pada 2017/2018,” katanya.

QS merupakan agensi penarafan universiti pertama dunia diiktiraf oleh The International Ranking Expert Group (IREG).